

ADAT KEMATIAN MASYARAKAT ISLAM DI SABAH: ANALISIS DARI PERSPEKTIF ISLAM

DEATH CUSTOMS OF THE ISLAMIC COMMUNITY IN SABAH: ANALYSIS FROM THE ISLAMIC PERSPECTIVE

Azmin Pullong^{1*}
Saifulazry Mokhtar^{2*}
Mohd Sohaimi Esa³

¹Universiti Teknologi Mara Cawangan Sabah Kampus Tawau, (E-mail: azminpullong@uitm.edu.my)

²Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, (Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my)

³Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, (E-mail: msohaimi@ums.edu.my)

Article history

Received date : 14-1-2023

Revised date : 24-2-2023

Accepted date : 15-3-2023

Published date : 31-3-2023

To cite this document:

Pullong, A., Mokhtar, S., & Esa, M. F. (2023). Adat Perkahwinan Masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah: Penilaian Dari Perspektif Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (52), 84 - 92.

Abstrak: Sabah terkenal sebagai sebuah negeri yang kaya dengan khazanah budaya masyarakatnya. Kepelbagaian khazanah budaya yang lestari ini adalah simbolik solidariti dan keprihatinan warganya dalam memelihara warisan bernilai secara konsisten sebagai tatapan generasi akan datang. Dalam konteks adat kematian, masyarakat Islam di Sabah juga mengaplikasikan adat-adat kematian yang lazim diamalkan oleh orang Melayu dan masyarakat Islam yang lain. Namun, terdapat beberapa amalan yang dikongsi secara bersama, berbentuk eksklusif dan menarik untuk ditonjolkan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji beberapa adat kematian masyarakat Islam di Sabah. Sebagai sebuah masyarakat Islam, keabsahan terhadap pelbagai praktik adat perlu dilakukan sama ada amalan tersebut menepati kehendak syarak mahupun sebaliknya. Oleh itu, kajian ini tampil untuk menganalisis amalan adat kematian masyarakat Islam di Sabah dari perspektif Islam. Kajian ini seterusnya tampil sebagai wadah dan panduan masyarakat Islam dalam menepis pelbagai amalan yang bercanggah dengan syariat. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual dan observasi (pemerhatian turut serta) dalam proses pengumpulan data. Informan yang dipilih adalah terdiri daripada golongan tua, ketua adat yang disifatkan sebagai orang yang berpengalaman luas dalam hal berkaitan adat. Kajian ini mendapati, masih terdapat amalan adat kematian yang bercanggah dengan Islam. Perlu kepada pengubahsuaian amalan terbabit agar ia dilihat sebagai sebuah amalan adat yang berbentuk mesra syariat. Aplikasi amalan penyediaan tempat tidur roh si mati dan upacara melintas di bawah keranda perlu kepada beberapa modifikasi agar ia terzhahir sebagai amalan menepati syarak. Bagi amalan yang menepati kehendak syarak, ia perlu disuburkan sebagai sebuah budaya bernilai generasi terdahulu.

Kata kunci: Adat Budaya, Kematian, Islam, Sabah

Abstract: *Sabah is known as a state rich in cultural treasures of its people. The diversity of this sustainable cultural treasure is symbolic of the solidarity and concern of its citizens in preserving a heritage of value consistently as the gaze of future generations. In the context of the death custom, the Muslim community in Sabah also applies the customs of death that are commonly practiced by the Malays and other Muslim communities. However, there are some practices that are shared in a shared way, exclusive and interesting to highlight. This study aims to examine some of the death customs of the Muslim community in Sabah. As a Muslim society, the validity of various customs should be done whether the practice is in accordance with the requirements of syarak or otherwise. Therefore, this study came forward to analyze the customary practice of death of the Muslim community in Sabah from an Islamic perspective. This study in turn presents itself as a platform and guide for the Muslim community in rejecting various practices that contradict the Shari'a. This study is qualitatively based on interview and observation (participating observation) in the data collection process. The informants selected are the elderly, the head of customs who is deemed to be a person with extensive experience in customary matters. This study found that there are still traditional practices of death that contradict Islam. It is necessary to modify the practice so that it is seen as a custom practice that is friendly to the Shari'a. The application of the practice of preparing the bed of the deceased's spirit and the ceremony of crossing under the coffin is necessary to several modifications in order for it to be manifested as a practice in accordance with syarak. For a practice that conforms to syarak, it needs to be nourished as a culture of value to the previous generation.*

Keywords: *Cultural Customs, Death, Islam, Sabah*

Pengenalan

Berdasarkan fakta sejarah, landskap akidah masyarakat nusantara suatu ketika dahulu dicorakkan oleh beberapa sistem kepercayaan. Secara kronologinya, sistem kepercayaan mereka diwarnai oleh kepercayaan animisme yang menganggap semua benda atau objek yang wujud mempunyai roh, semangat dan karekturnya yang tersendiri (Nurdeng, 2010). Dalam pada itu, mereka berkeyakinan bahawa alam ini turut dihuni dan dikuasai oleh makhluk supernatural yang dipercayai mampu memberi pelbagai pengaruh kepada manusia. Seluruh kejadian yang menimpa manusia dipercayai mempunyai kaitan langsung dengan makhluk terbabit. Impaknya, muncul pelbagai pantang larang, ragam penyeruan dan pemujaan roh serta semangat (Skeat, 1990). Fenomena ini tampak sebagai sebahagian daripada pemandu cara hidup masyarakat tradisional suatu ketika dahulu. Kemudian, penerimaan agama Hindu dalam kehidupan masyarakat tradisional memperlihatkan adaptasi positif sekali gus memperkukuhkan keyakinan lama mereka. Situasi ini terhasil lantaran wujudnya persamaan kepercayaan animisme dan Hinduisme yang mengakui dua entiti yang difahami secara sama iaitu konsep roh dan dewa Hindu (Endicott, 1970). Keserasian hasil adaptasi ini bertahan dalam jangka masa yang agak panjang dan memberi kesan dalam landskap kehidupan masyarakat tradisional. Dalam kerancangan ini, muncul pula agama Islam yang memperkenalkan kepercayaan baharu. Islam dilihat sebagai agama dominan sekali gus merubah landskap beragama mereka. Walaupun begitu, pengamalan adat dan kepercayaan lampau (animisme dan Hinduisme) masih tersisa dalam kehidupan mereka (Husin, 1975). Tuntasnya, di samping menjunjung Islam sebagai agama anutan, aplikasi tradisi lampau masih mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Situasi ini turut berlaku dalam konteks masyarakat Islam di Sabah termasuklah suku kaum Bajau, Iranun, Idahan, Suluk, Bugis dan sebagainya. Walaupun Islam telah lama dipegang, pengamalan adat dan kepercayaan warisan masih lestari diamalkan. Oleh yang demikian,

tulisan ringkas ini menumpukan beberapa adat kematian masyarakat Islam di Sabah yang dianalisis berdasarkan perspektif Islam. Tindakan sedemikian sangat penting bagi memberi penjelasan berhubung statusnya dari sudut pandang Islam sekali gus langkah awal dalam menangani gejala salah laku syirik, bid'ah dan khurafat dalam masyarakat Islam.

Kajian Lepas

Kajian berhubung adat kematian dalam masyarakat nusantara khususnya telah banyak dilakukan. Kepelbagaian dan keragaman budaya dan adat kematian sesebuah generasi menunjukkan bahawa kelestarian warisan adat tersebut terus dipelihara dengan baik. Penumpuan kajian lebih difokuskan kepada beberapa elemen penting dalam sesebuah adat termasuklah pelaksanaan, pelestarian, pengaruh dan perubahan. Kajian Mohd Yakin (2013) yang bertajuk *Semiotik dalam Adat Kematian Bajau di Sabah* memperincikan pelbagai adat budaya dalam kematian. Kajian terfokus kepada lambang- lambang yang bercorak non-verbal yang wujud dalam adat tradisi kematian komuniti Bajau yang berperanan sebagai pemangkin ekspresi nilai-nilai budaya sekaligus menonjolkan pandangan kosmologi masyarakatnya. Makna-makna di sebalik tanda dan lambang-lambang digarap untuk tatapan generasi mendatang.

Dalam penelitian ini, di samping memaparkan intipati dan mesej lambang- lambang kematian, beliau mendapati struktur semiotik tersebut mengalami perubahan dan adaptasi akibat arus kemodenan sehingga berlakunya penyingkiran adat sekaligus mengikis tradisi tersebut. Ketersingkiran adat dalam kematian berubah dalam bentuk evolusi sehingga memungkinkannya hilang ditelan zaman. Beliau turut mendapati pelaksanaan adat kematian dalam komuniti Bajau adalah bersifat sinkretisme yang telah menyesuaikan budaya-budaya lama dalam realiti kehidupan beragama.

Kajian Marinsah (2017) yang bertajuk *Unsur Sinkretisme dalam Uruf dan Adat Masyarakat Bajau di Sabah: Analisis dari Perspektif Hukum Islam* menumpukan analisis kepercayaan tradisi, adat dan kepercayaan dalam konteks kitaran hidup manusia (kelahiran, perkahwinan dan kematian) masyarakat Bajau Semporna dan Kota Belud. Beliau berjaya membuktikan bahawa masyarakat Bajau masih dipengaruhi oleh unsur-unsur sinkretisme kesan kepercayaan lampau, iaitu animisme dan Hindu. Kendatipun begitu, tidak semua adat yang diamalkan bertentangan dengan Islam. Malah, pelaksanaannya berdasarkan kepada kearifan tempatan masyarakat Bajau.

Kajian Pullong (2020) yang bertajuk *Penilaian Adat dan Kepercayaan Masyarakat Bajau dari Perspektif Islam* turut membincangkan hal yang sama iaitu penilaian pelbagai adat terutamanya dalam kitaran hidup manusia iaitu adat kelahiran, perkahwinan dan kematian serta beberapa kepercayaan lain. Dalam kajian beliau, masyarakat Bajau masih mengamalkan adat-adat tradisi lama yang bercanggah dengan Islam walaupun bukan secara keseluruhannya. Kajian beliau mengetengahkan status pengamalan adat sama ada dibenarkan syarak atau sebaliknya. Amalan adat yang bercanggah dicadangkan pengubahsuaian agar pelaksanaan adat harmoni dan mesra syariat. Beliau menyediakan model dakwah yang bersesuaian sebagai rujukan kepada pelbagai pihak yang ingin mendekati masyarakat Bajau di Kota Belud, Sabah.

Kajian Mokhtar dan rakan-rakan (2022) yang bertajuk *Adat Kematian Masyarakat Suluk di Sandakan Menurut Pandangan Syarak* membincangkan pengamalan adat semasa dan selepas kematian masyarakat Suluk di Sandakan. Dalam kajian ini, beliau mendapati terdapat lima belas pengamalan adat kematian masyarakat Suluk yang meliputi adat semasa dan selepas

kematian. Berdasarkan kesemua adat kematian yang dikaji, terdapat beberapa adat kematian yang jelas bercanggah dengan syarak yang memerlukan kepada rujukan semula kepada sumber agama. Dalam pada itu, terdapat beberapa adat yang tidak memperlihatkan sebarang pertentangan dengan Islam dan boleh dilestarikan sebagai sebuah adat warisan yang tinggi nilainya.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif yang mengaplikasikan kaedah temu bual dan obvervasi (pemerhatian turut serta) dalam proses mengumpulkan data. Temu bual dijalankan secara berstruktur dan dianalisis menggunakan perisian *NVIVO*. Seramai tujuh orang informan ditemu bual yang melibatkan beberapa kelompok iaitu imam kampung, ketua kampung, ketua adat dan pegawai jabatan agama Islam. Pemilihan informan adalah berdasarkan pengetahuan, maklumat luas berkaitan adat, pengalaman, kedudukan dan pengaruh mereka dalam masyarakat. Berkaitan observasi (pemerhatian turut serta), pengkaji perlu membuat temu janji dan mendapatkan maklumat tentang tarikh dan masa sesuatu upacara adat dijalankan. Kajian lapangan ini dijalankan sekitar tahun 2015 dan 2018.

Perbincangan

Adat merupakan lambang identiti sesebuah bangsa. Pengamalannya merupakan satu kebanggaan dan menyifatkannya sebagai warisan turun temurun yang perlu diambil perhatian oleh setiap warganya. Secara asasnya, pengamalan adat yang diamalkan sehingga kini adalah kesan pengaruh keyakinan lampau iaitu kepercayaan animisme dan Hindu. Berhubung dengan adat kematian masyarakat Islam di Sabah, dipaparkan beberapa adat yang dikesan masih diamalkan secara baik walaupun Islam telah dianut sekian lama.

Penyediaan Tempat Tidur Roh Si Mati

Adat penyediaan tempat tidur roh si mati dikesan masih diamalkan oleh beberapa masyarakat Islam di Sabah. Ia merupakan amalan tegar masyarakat Bajau Kota Belud (*bangkai-bangkaian*), Bajau Semporna (*pabangkai-bangkaian*) Iranun (*bangkai-bangkaian*, Ubian (*pabahakan*), dan Idahan (tegaran) (Halina Sendera, 2013). Secara konsepnya, tempat tidur roh si mati ialah sebuah hamparan tempat tidur dilengkapi dengan tilam, bantal, barangan dan pakaian si mati semasa hayatnya, senaskah al-Quran dan sebagainya. Ia disediakan seusai upacara pengebumian jenazah di pusara. Para waris khususnya perlu menyediakan keperluan tersebut yang lazimnya diletakkan di ruang tamu rumah. Menurut pengamalnya, adat ini dikatakan tampil sebagai satu tanda atau simbol yang menyatakan terdapatnya kematian di rumah terbabit. Situasi ini menuntut para tetamu yang berkunjung ke rumah si mati menjaga adab-adab yang sepatutnya.

Dalam pada itu, terdapat kepercayaan yang bersifat mistik berkaitan pengamalan adat tersebut. Para pendukung adat ini mempercayai bahawa roh si mati pasti akan berkunjung ke rumah untuk menjenguk warisnya. Atas kepercayaan ini, para waris perlu menyediakan keperluan tersebut untuk beberapa tempoh masa tertentu. Misalnya, bagi masyarakat Bajau Kota Belud, hamparan *bangkai-bangkaian* perlu disediakan selama empat puluh hari selepas kematian si mati. Demikian juga masyarakat Bajau Ubian di Pulau Mantanani, Pulau Banggi dan Ubian di pantai timur Sabah perlu menyediakan hamparan *pabahakan* selama tujuh hari, dua puluh hari, empat puluh hari dan seratus hari bergantung kepada kepercayaan masing-masing (Pullong, 2020). Penentuan tempoh masa ini bergantung kepada kepercayaan bahawa roh masih berlegar dalam kawasan rumah dan akan beransur lenyap selepas tempoh berkenaan. Menurut kepercayaan mereka, ketiadaan hamparan tersebut boleh mengundang kesedihan dan

kemarahan roh si mati kerana tidak diberi layanan sepatutnya. Tuntasnya, amalan ini disifatkan sebagai amalan sejagat beberapa masyarakat Islam di Sabah antaranya masyarakat Bajau, Iranun, Suluk, Idahan dan Bisaya. Ia bukanlah sebuah adat eksklusif sebuah suku bangsa sahaja. Situasi ini terhasil kesan proses asimilasi dan kahwin campur masyarakat majmuk di Sabah.

Upacara Melintas di Bawah Keranda

Setiap bangsa dan agama mempunyai cara penghormatan kepada jenazah sebelum dikebumikan. Masyarakat Bajau Kota Belud dan Ubian mengamalkan upacara memberi penghormatan terakhir dengan cara melintas di bawah keranda dengan bilangan tertentu. Upacara ini dikenali sebagai ritual *pesuk* oleh masyarakat Bajau Kota Belud dan *pasohok* bagi masyarakat Ubian. Secara asasnya, ritual ini diimplimentasikan sebagai medium untuk mengekspresikan perasaan kasih sayang para waris kepada si mati. Bagi para pendukungnya, ritual ini perlu dijalankan sebagai usaha mereka mengelak sebarang musibah yang dipercayai mampu memberi mudarat kepada para waris seperti sakit terkena badi (Selig, 2016). Secara jelasnya, proses ritual ini dilakukan semasa jenazah hendak diusung ke tapak persemadian dan lazimnya di lakukan di halaman rumah. Para waris perlu melintas di bawah keranda secara berulang-ulang dalam bilangan tertentu. Selain kepercayaan tersebut, amalan ini dikatakan sebagai satu medium untuk memperkenalkan para waris kepada seluruh hadirin. Menurut pendukungnya, bagi mereka yang mempunyai urusan peribadi bersama si mati, boleh terus berhubung dengan salah seorang waris terutamanya yang melibatkan hutang dan sebagainya. Berdasarkan fakta, ritual memberi penghormatan terakhir dengan melintas di bawah keranda turut diamalkan di Indonesia khususnya di kepulauan Jawa yang dikenali sebagai upacara *ngolong* atau *broboson*. Tujuan pelaksanaannya adalah sama iaitu sebagai simbol kasih sayang para waris dan bagi mengelak musibah seperti sakit terkena badi (Suwito & Agus Sriyanto, 2015).

Menjaga Kubur

Kehilangan orang tersayang merupakan saat yang amat menyedihkan. Selain berusaha menguruskan upacara kematian dengan baik, penjagaan terhadap jasadnya di liang lahad juga menjadi satu keutamaan bagi segelintir masyarakat Islam di Sabah. Masyarakat Bajau Kota Belud, Iranun dan Ubian merupakan kelompok yang mendukung adat menjaga kubur. Secara jelasnya, pelaksanaan amalan menjaga kubur bermula setelah selesai urusan pengebumian jenazah. Para waris khususnya perlu membina pondok kecil berdekatan pusara. Pondok dibina hanya sekadar untuk berehat dan selesa untuk berjaga siang dan malam. Menurut pendukungnya, pengamalan adat ini didasarkan kepada kebimbangan terdapat gangguan makhluk halus (dikenali *balan-balan* dan *kangkang laut*) dan ancaman pengamal ilmu hitam. Masyarakat Ubian misalnya, seusai upacara pengebumian pondok sementara akan dibina. Para waris perlu menyediakan bantal, selimut, kelambu dan pelbagai kelengkapan jamuan malam seperti biskut, kopi dan beberapa alat permainan untuk mengelakkan mengantuk. Penjaga yang ditugaskan lazimnya berjaga secara bergilir-gilir dan sentiasa memastikan tiada gangguan jahat mengancam pusara. Kelompok ini dipercayai manusia yang membela saka *balan-balan* sentiasa memperhatikan pusara bagi tujuan menjadikan jenazah sebagai santapan. Ancaman makhluk halus dari laut yang dipanggil *kangkang laut* turut mendorong adat ini lestari diamalkan. Makhluk ini dipercayai menjelma seperti biawak besar berwarna kelabu dan berbadan agak nipis. Ia mampu menyelongkar jenazah di dalam liang lahad dan mengheretnya ke laut. Menurut masyarakat Ubian, kejadian ini bukanlah cerita mitos golongan tua, akan tetapi ia merupakan kejadian yang benar-benar pernah berlaku berdasarkan cerita dan pengalaman mereka yang seringkali ditugasnya menjaga kubur khususnya berhampiran pantai. Atas dasar inilah, adat menjaga kubur terus diamalkan sehingga hari ini (Gambu, 2015).

Bagi masyarakat Ubian yang menetap di kawasan daratan, amalan ini diteruskan bagi mengelak ancaman pengamal ilmu hitam. Pengamal ilmu hitam dipercayai menyelongkar pusara bagi mendapatkan sesuatu pada jasad jenazah sama ada kain kapan mahupun sebahagian kecil anggota badannya. Bayi yang baru dilahirkan merupakan jenazah yang amat digemari oleh pengamal ilmu hitam bagi mendapatkan lidahnya yang amat mujarab dijadikan sebagai tangkal azimat (Kali, 2015). Bagi masyarakat Baju Kota Belud dan Iranun, pusara perlu dijaga bagi mengelak gangguan *balan-balan* yang dipercayai mampu mengambil jenazah di dalam liang lahad. Tempoh berjaga bergantung kepada kemampuan para waris dan lazimnya mengambil masa selama tujuh hari atau empat puluh hari. Tujuh hari merupakan tempoh minimum. Selama tempoh tersebut, jenazah sedang mengalami proses awal pembusukan dan pereputan. Penjagaan rapi perlu dilakukan memandangkan keadaan jasad pada fasa ini dipercayai sangat digemari oleh *balan-balan*. Sebagai langkah menjamin kemaslahatan jenazah dan pusaranya, amalan berjaga kubur dikekalkan hingga ke hari ini (Sabdani, 2015).

Analisis dari Perspektif Islam

Berdasarkan penghuraian beberapa adat kematian di atas, timbul persoalan berhubung status pengamalan adat tersebut dari perspektif Islam. Adakah adat-adat ini mempunyai sandaran, dukungan dan sokongan daripada sumber-sumber yang diiktiraf dalam Islam. Analisis berhubung status adat ini perlu diperjelaskan memandangkan mereka beragama Islam. Tindakan ini dilihat perlu sebagai usaha awal membendung salah laku dan amalan-amalan yang tidak menepati syariat Islam. Berhubung amalan penyediaan tempat tidur roh si mati, para pendukungnya percaya bahawa roh akan bertandang ke rumah menjenguk para warisnya. Maka, perlu kepada tempat khusus sebagai tanda layanan baik terhadap roh si mati. Maknanya, selepas upacara pengebumian, mereka percaya bahawa roh masih berlegar-legar di kawasan rumah dalam tempoh tertentu. Dalam Islam, al-Quran telah menjelaskan bahawa penjelasan mengenai roh amatlah sedikit seperti yang dicatatkan dalam Surah al-Isra ayat 85:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا

Maksudnya: Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: Roh itu dari perkara urusan Tuhanku dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja.

Berdasarkan dalil di atas, persoalan berkaitan roh merupakan urusan Allah SWT dan penjelasan mengenainya amatlah sedikit. Berdasarkan kepada beberapa dalil, sesungguhnya roh tidak akan mampu kembali ke dunia selepas kematian. Hakikat ini berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Mukminun ayat 100:

لَعَلِّيَ أَعْمَلُ صَالِحًا فِيمَا تَرَكْتُ كَلَّا إِنَّهَا كَلِمَةٌ هُوَ قَائِلُهَا وَمِنْ وَرَائِهِمْ بَرْزَخٌ إِلَى يَوْمِ يُبْعَثُونَ

Maksudnya: Supaya aku mengerjakan amal-amal yang soleh dalam perkara-perkara yang telah aku tinggalkan. Tidak! Masakan dapat? Sesungguhnya perkataannya itu hanyalah kata-kata yang dia sahaja yang mengatakannya, sedang di hadapan mereka ada alam barzakh (yang mereka tinggal tetap padanya) hingga hari mereka dibangkitkan semula (pada hari kiamat).

Berdasarkan dalil di atas, roh akan kekal bersama jasadnya di alam barzakh sehingga hari kiamat. Kepercayaan bahawa roh mampu kembali ke dunia merupakan kepercayaan yang menyeleweng berdasarkan dalil yang dipaparkan. Ia tidak mempunyai sandaran dalil yang sah. Jika difikirkan secara logik, di alam barzakh roh dan jasad perlu menghadapi penghakiman azab kubur. Bagaimana mungkin roh boleh dilepaskan ke dunia dalam beberapa tempoh tertentu. Kepercayaan sedemikian kelihatannya menafikan hakikat azab kubur (Al-Jawziyyah, 2015). Oleh yang demikian, adat menyediakan hamparan tempat tidur roh orang mati merupakan amalan khurafat dan perlu ditinggalkan. Menurut para pendukung adat ini, pelaksanaannya dikatakan sebagai simbol terdapatnya kematian. Maka dengan itu, para tetamu yang berziarah perlu menjaga adab-adab yang sepatutnya. Melihat kepada alasan tersebut, tujuannya ialah menuntut masyarakat umum memberikan penghormatan yang sepatutnya kepada si mati. Akan tetapi, medium yang digunakan tidak menepati syariat Islam memandangkan penyediaan hamparan tersebut dilihat mampu membuka ruang khurafat dan dikhuatiri mengelirukan masyarakat dengan berpandangan ia sebahagian daripada saranan agama. Bagi menolak kemungkinan yang bersifat negatif, pengamalan adat ini perlu dihentikan bagi menjaga kemurnian akidah generasi akan datang. Berhubung persoalan penghormatan terakhir ke atas jenazah, upacara melintas di bawah keranda bertujuan mengelak sebarang musibah yang datang daripada roh si mati. Berdasarkan dalil al-Quran, roh tidak mampu memberi pengaruh baik atau buruk kepada manusia. Hakikat ini dinyatakan dalam surah al-Zumar ayat 42:

اللَّهُ يَتَوَفَّى الْأَنْفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَالَّتِي لَمْ تَمُتْ فِي مَنَامِهَا فَيُمْسِكُ الَّتِي قَضَىٰ عَلَيْهَا الْمَوْتَ وَيُرْسِلُ الْأُخْرَىٰ
إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ.

Maksudnya: Allah (Yang Menguasai Segala-galanya), Dia mengambil dan memisahkan satu-satu jiwa dari badannya, jiwa orang yang sampai ajalnya semasa matinya dan jiwa orang yang tidak mati: Dalam masa tidurnya; kemudian Dia menahan jiwa orang yang Dia tetapkan matinya dan melepaskan balik jiwa yang lain (ke badannya) sehingga sampai ajalnya yang ditentukan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan Allah bagi kaum yang berfikir (untuk memahaminya).

Berdasarkan dalil di atas, kepercayaan bahawa roh mampu memberi pengaruh negatif kepada manusia jelas tersasar dan dikategorikan sebagai *bidaah dalalah* (sesat). Pelaksanaannya hanya berdasarkan rekaan semata-mata demi menjunjung sebuah kepercayaan yang tidak mempunyai sandaran berdasarkan sumber yang diiktiraf dalam Islam. Roh pada hakikatnya tidak mampu berbuat apa-apa apatah lagi memberi pengaruh jahat kepada manusia. Oleh yang demikian, kepercayaan sedemikian perlu dikikis dan ditinggalkan kerana boleh menimbulkan fitnah kepada si mati. Meneliti pelaksanaan adatnya pula, ritual penghormatan kepada jenazah dilihat tidak menepati kehendak syarak. Melintas di bawah keranda dipercayai berasal daripada kepercayaan Hindu (Muhammad Sholikin, 2010: 50). Oleh yang demikian, sebarang amalan dan kepercayaan yang mempunyai persamaan, penyerupaan dan peniruan dengan agama lain, maka ia tertolak serta merta. Berdasarkan dalil hadis, Rasulullah SAW mengajarkan umatnya memberi penghormatan kepada jenazah cukup hanya sekadar berdiri sekalipun jenazah tersebut bukan beragama Islam seperti yang dirakamkan dalam Sahih al-Bukhari (No. 1310 dan 1311).

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا رَأَيْتُمُ الْجَنَازَةَ فَمُومُوا فَمَنْ تَبِعَهَا فَلَا يَفْعُدْ حَتَّى تُوَضَّعَ .

Dari Abu Said al-Khudri daripada Rasulullah SAW bersabda: “Apabila kamu melihat jenazah maka hendaklah kamu bangun. Barang siapa yang mengiringi jenazah, maka jangganlah kamu duduk selagi jenazah belum diletakkan”.

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ مَرَّ بِنَا جَنَازَةٌ فَقَامَ لَهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقُمْنَا بِهِ فَقُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّهَا جَنَازَةٌ يَهُودِيٍّ قَالَ إِذَا رَأَيْتُمُ الْجَنَازَةَ فَمُومُوا .

Maksudnya: Dari Jabir bin Abdullah ia berkata, suatu ketika jenazah lalu dihadapan kami, lalu Baginda Rasulullah SAW bangun. Lalu kami berkata, “Wahai Rasulullah, itu adalah jenazah seorang Yahudi”. Baginda menjawab: “Jika kamu melihat jenazah maka hendaklah kamu bangun”.

Berhubung amalan menjaga kubur, tujuan pelaksanaan adatnya ialah bagi memastikan keselamatan jenazah dan pusaranya sentiasa dalam keadaan baik. Ia terus diamalkan lantaran kes-kes gangguan dan ancaman makhluk halus dan pengamal ilmu hitam masih wujud ketika ini. Dalam Islam, secara asasnya adat ini tidak menyalahi syarak kerana tujuannya berbentuk *maslahah*. Meneliti kaedah penetapan hukum *al-masalih al-mursalah*, sebarang amalan yang membawa kebaikan atau manfaat serta menjauhkan keburukan perlu diteruskan. *Masalih al-mursalah* merupakan satu kaedah istinbat hukum yang ditetapkan berpaksikan kepada wujudnya kebaikan, manfaat dan kebajikan yang mampu diperolehi di samping menolak sebarang elemen keburukan mahupun kerosakan (Muhammad Abu Zahrah, 1998). Oleh yang demikian, amalan menjaga kubur wajar diteruskan bagi mengelak berlakunya perkara buruk kepada jenazah dan pusaranya. Akan tetapi, pelbagai perkara perlu diambil kira termasuklah menjaga adab-adab semasa berada di kawasan sekitar perkuburan, tidak berbual tentang perkara yang tidak berfaedah dan selalu memperbanyakkan zikir dan mengingati kematian sesuai dengan saranan yang diajarkan oleh Rasulullah SAW dalam Sahih Muslim (No. 1622).

لما روى أبو هريرة رضي الله عنه قال, زار رسول الله صلى الله عليه وسلم قبر أمه فبكى وأبكى من حوله ; ثم قال : إني استأذنت ربي عز وجل أن أستغفر لها فلم يأذن لي واستأذنته في أن أزور قبرها فأذن لي ; فزوروا القبور فإنها تذكركم الموت.

Maksudnya: Maksudnya: Abu Hurairah meriwayatkan dengan katanya: “Rasulullah SAW menziarahi pusara ibunya lalu Baginda SAW menangisi ibunya dan mereka di sekitarnya. Rasulullah SAW bersabda: “Aku memohon izin kepada Allah SWT untuk mengampunkan ibuku. Allah tidak mengizinkan, lalu aku memohon juga sehingga aku diberi keizinan menziarahi pusara ibuku. Maka dengan itu, hendaklah kamu menziarahi kubur kerana dengan kamu boleh mengingati kematian”.

Kesimpulan

Berdasarkan huraian di atas, disimpulkan bahawa, segelintir masyarakat Islam di Sabah masih mengamalkan adat yang jelas bercanggah dengan Islam. Salah laku ini berlaku disebabkan pelbagai faktor terutamanya kurangnya pemahaman terhadap agama. Ketaksuban dalam memelihara adat warisan turun temurun mendorong amalan tersebut dikekalkan sehingga hari ini. Kesannya, agama kelihatan terpinggir walaupun mereka menyedari amalan dan kepercayaan tersebut tidak menepati kehendak syarak. Hal ini dapat disaksikan dalam pelaksanaan adat penyediaan tempat tidur roh orang mati dan ritual melintas di bawah keranda. Walaupun begitu, pada sudut lain, generasi tradisional membangunkan sesebuah adat berdasarkan kearifan tempatan yang ternyata banyak memberi manfaat kepada sesebuah masyarakat seperti yang dilihat dalam pengamalan adat menjaga kubur.

Rujukan

- Ali, H. A. (1975). *Malay Peasant Society and Leadership*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Al-Jawziyyah, Q. 2015. *Hakikat Ruh*. Terj. Jakarta. Qisti Press.
- Dauraseh, D. (2010). Pandangan Semesta Masyarakat Melayu dari Perspektif Perubatan Tradisional. *International Journal of Social Policy and Society*, 7, 80-89.
- Endicott, K. M. (1970). *An Analysis of Malay Magic*: Oxford: Clarendon Press.
- Gambu, S. 2015. *Amalan Adat Kematian Masyarakat Ubian*. 62 Tahun. Kunak. Temu Bual, 24 April 2015.
- Kali. 2015. *Amalan Magis dalam Kalangan Masyarakat di Sabah*. 45 Tahun. Lahad Datu, Temu Bual, 15 Disember 2015.
- Marinsah, S. A. (2017). *Unsur Sinkretisme Dalam Uruf Dan Adat Masyarakat Bajau Di Sabah: Analisis Dari Perspektif Hukum Islam*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Mokhtar, S. A., Thia, K., Yazid, M.T.M., Ramlie, H.A., Muis, A.M.R.A & Pullong, A. (2022). Adat Kematian Masyarakat Suluk di Sandakan Menurut Pandangan Syarak. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, & (45), 1-17.
- Muhammad Abu Zahrah. 1998. *Usul Al-Fiqh*. Kaherah: Dar Al-fikr Al-Arabi.
- Pullong, A. (2020). *Penilaian Adat dan Kepercayaan Masyarakat Bajau dari Perspektif Islam*. Tesis Doktor Falsafah. Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa. Universiti Malaysia Sabah.
- Sabdani. 2017. *Adat Kematian Masyarakat Bajau Kota Belud*. 70 Tahun. Kota Belud. Temu Bual 10 Febuari 2017.
- Selig, S. 2016. *Adat Kematian Masyarakat Bajau Kota Belud*. 68 Tahun. Kota Belud. Temu Bual 18 April 2016.
- Sholikin, M. 2010. *Ritual Kematian Islam Jawa: Pengaruh Tradisi Lokal Indonesia dalam Ritual Kematian Islam*. Indonesia: Narasi.
- Skeat, W. W. (1990). *Malay Magic: Being an Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula*. New York: The macmilan Company.
- Skeat, W. W. 1990. *Malay Magic: Being an Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula*. New York: The macmilan Company.
- Suwito., Sriyanto. A. & Hidayat, A. 2015. Tradisi dan Ritual Kematian Wong Islam Jawa. *Jurnal Kebudayaan Islam*. Vol. 13. No. 2. 197-216.